

23/06/1997

Kazakhstan setuju latih orkestra negara

Akhmal Abdullah

MALAYSIA merancang menjalin kerjasama muzik dengan Kazakhstan sebagai usaha mempertingkatkan kemahiran pemuzik profesional tempatan khususnya persembahan berbentuk orkestra simfoni.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Ismail Adam, berkata usaha itu wajar kerana ramai pemuzik negara itu memiliki tahap permainan dan kemahiran tinggi.

Katanya, pembinaan muzik yang baik mampu memberi rangsangan dalam pembangunan masyarakat dan negara seperti dalam persembahan orkestra itu yang menampilkan muzik universal serta berkait rapat suasana dan sosio-budaya tempatan.

"Kita kagum dengan pemuzik Kazakhstan kerana memiliki kemahiran mengagumkan dan standard muzik mereka yang tinggi boleh membantu pemuzik tempatan.

"Di sana, bidang muzik diberi perhatian serius. Untuk anggota keselamatan juga disediakan akademi muzik polis dan tentera sehingga mereka mahir bermain alat muzik.

"Kazakhstan sudah membuat tawaran kepada kita mengenai perkara ini dan kita mahu pemuzik kita belajar dari mereka," katanya selepas menyaksikan persembahan orkestra daripada negara itu di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Di majlis itu, kumpulan Orkestra Pengawal Presiden Kazakhstan yang terdiri 121 pemuzik menampilkan 38 acara persembahan yang bercorak muzik universal serta diiringi beberapa penyanyi bersuara soprano.

Kumpulan orkestra itu adalah pasukan muzik khas yang ditubuhkan untuk majlis rasmi Presiden Kazakhstan dan kegiatan rasmi ketenteraan di negara itu.

Mereka yang mengadakan persembahan selama sembilan hari di negara ini mempamerkan persembahan yang membuai perasaan menerusi lagu-lagu instrumental yang amat sesuai membangkitkan semangat patriotik kerana mood dan tempo iramanya merangsang semangat yang berkobar-kobar.

Selain itu, penyanyi bersuara soprano, Zhannat Baktaeva dan Aigul Kosanova mendendangkan lagu masing-masing, The Kazakh Waltz dan Terme.

Penyanyi tenor, Murat Chalabaev mendendangkan lagu The Soldier Of Love dan Aittym, Salem, Kalamkas manakala Valeri Sabo menunjukkan kecekapannya bermain trumpet.

Paling menarik ialah persembahan orkestra itu dengan menampilkan irama Melayu menerusi lagu Getaran Jiwa yang membangkitkan rasa bangga penonton di majlis itu. Orkestra berkenaan dipimpin oleh Major Aleksi Kutunov.

Wakil kerajaan Kazakhstan, Leftenan Sat Takpakbaev berkata, pihaknya menghargai kesudian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempelawa rombongan orkestra negara itu ketika mengadakan persembahan di Malaysia dalam lawatannya ke negara itu, Julai tahun lalu.

Persembahan orkestra secara percuma itu dianjurkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Ia ditaja Petronas dan akhbar New Straits Times.

(END)